

April

Esok...1hb April tetapi sbg umat islam...kita wajib tidak melupakan sejarah bagaimana April fool terjadi dan apa yg berlaku.....begitu juga di Malaysia kita kita juga bakal merayakannya, harapan kita semoga Allah tabahkan hati kita...utk menghadapinya....amin!

Sejarah Yang Mesti Menjadi Ikhtibar

Serangan tentera salib dilakukan dengan kejam tanpa mengenal perikemanusiaan. Bukan hanya tentera² Islam yang dibunuh, malah termasuk masyarakat awam, wanita², anak² kecil & orang² tua. Satu demi satu daerah di Sepanyol ditakluki oleh tentera salib.

Granada adalah daerah terakhir yang ditakluk. Penduduk Islam di Sepanyol (yang juga dikenali sebagai orang Moor) terpaksa berlindung di dalam rumah untuk menyelamatkan diri. Tentera² salib terus menerus mengejar mereka. Apabila jalan² dalam keadaan sunyi sepi, yang tinggal hanyalah sisa² ribuan mayat yang bergelimpangan yang bermandikan darah. Tentera salib mengetahui bahawa masih ramai umat Islam di Granada yang masih bersembunyi dalam rumah masing², dengan lantang tentera² salib meneriakkan pengumuman bahawa umat Islam di Granada boleh keluar dari rumah mereka dengan aman & dibenarkan untuk berlayar keluar dari Sepanyol dengan membawa barang² keperluan mereka.

Orang² Islam pada mulanya masih curiga dengan tawaran tersebut. Beberapa orang Muslim diizinkan untuk melihat sendiri kapal² layar yang sudah disiapkan di pelabuhan. Setelah benar² melihat terdapat kapal yang sudah disediakan untuk mereka, mereka pun segera bersiap untuk meninggalkan Granada & berlayar meninggalkan Sepanyol.

Keesokan harinya, ribuan penduduk Islam Granada keluar dari rumah² mereka dengan membawa seluruh barang² keperluan,

berjalan beriringan menuju ke pelabuhan. Beberapa orang Islam yang tidak mempercayai pasukan salib memilih untuk bertahan & terus bersembunyi di rumah² mereka. Setelah ribuan umat Islam Sepanyol berkumpul di pelabuhan, dengan pantas tentera salib menggeledah rumah² yang telah ditinggalkan para penghuninya. Api dilihat menjulang² ke angkasa setelah mereka membakar rumah² tersebut bersama² dengan orang² Islam yang masih bertahan bersembunyi di dalamnya.

Ribuan umat Islam yang lain terkandas di pelabuhan & hanya mampu tergamam apabila melihat tentera salib membakar pula kapal² yang dikatakan akan mengangkut mereka untuk keluar dari Sepanyol. Kapal² tersebut dengan cepat tenggelam ke dalam lautan. Ribuan umat Islam tidak dapat melakukan apa² kerana tidak mempunyai sebarang senjata. Mereka juga kebanyakannya terdiri daripada perempuan² & anak² mereka yang masih kecil. Tentera salib telah mengepung mereka dengan pedang yang terhunus.

Dengan satu teriakan arahan dari pemimpin mereka, ribuan tentera salib segera membunuh umat Islam Sepanyol tanpa rasa belas kasihan. Jeritan, tangisan & takbir memecah suasana. Seluruh kaum Muslimin Sepanyol di pelabuhan tersebut habis dibunuh dengan kejam. Mayat bergelimpangan di merata² tempat. Laut yang biru telah berubah menjadi merah kehitaman.

Tragedi ini bertepatan pada tanggal 1 April. Inilah yang kemudiannya diperingati oleh dunia Kristian apabila tibanya 1 April sebagai April Fool (The April's Fool Day).

Pada tanggal 1 April, orang² dibolehkan untuk menipu & berbohong terhadap orang lain.

Bagi umat Kristian, April Fool merupakan hari kemenangan atas pembunuhan ribuan umat Islam di Sepanyol oleh tentera salib melalui cara² penipuan. Oleh sebab itulah mereka merayakan April Fool dengan cara membolehkan penipuan & pembohongan walaupun diselaputi dengan alasan sekadar sebagai hiburan atau

gurauan semata².

Bagi umat Islam, April Fool merupakan tragedi yang sangat menyedihkan. Hari di mana ribuan saudara seiman mereka disembelih & dibunuh oleh tentera salib di Granada, Sepanyol. Oleh sebab itu, adalah tidak patut bagi umat Islam untuk turut serta dalam merayakan tradisi ini. Sesiapapun orang Islam yang turut merayakan April Fool, maka ia sesungguhnya sedang meraikan ulang tahun pembunuhan kejam ribuan saudara mereka di Granada, Sepanyol pada 5 abad yang silam.

Jadi, perhatikanlah di sekeliling anda, anak² anda & diri anda sendiri daripada terkena "Virus Jahil April Fool" tanpa kita sedari.

Wallahua'lam.